

SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS KEBAKARAN DAN KERUGIAN BERBANGKIT (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Kebakaran dan kerugian berbangkit . (Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).	Rujukan kami : V0324 Nama Penawar Khidmat kewangan : Liberty General Insurance Berhad <i>Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad</i> Nama Produk : Insurans Kebakaran dan Kerugian Berbangkit Tarikh : Mac 2024
---	---

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut **Perenggan 5 daripada Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya **untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Polisi ini menawarkan perlindungan tambahan ke atas bangunan anda serta barang di dalamnya dan melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan akibat daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestic sebagai tambahan kepada ciri-ciri tambahan seperti berikut.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Ia menawarkan perlindungan yang meluas untuk:

Seksyen 1: kebakaran

Bahagian ini merangkumi perkara berikut:

- Kehilangan atau kerosakan pada bangunan anda akibat kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestic.
- Perlindungan boleh diperluaskan dengan premium tambahan kepada kehilangan atau kerosakan pada bangunan anda disebabkan oleh peril yang dinyatakan seperti kerosakan disebabkan oleh kapal terbang, gempa bumi, letusan gunung berapi, rebut, banjir, kerosakan hentaman, letupan, tangki air pecah atau melimpah, kebakaran belukar/Lalang, penenggelaman & gelinciran serta kerosakan berniat jahat.

Perlindungan yang meluas tanpa sebarang caj tambahan

A. Jejak dan Akses Klausula

- Membayai kos munasabah yang ditanggung akibat kebocoran air di bangunan dengan syarat polisi dilanjutkan untuk menampung kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh radas tangka air pecah atau limpahan.
- Menanggung sehingga 10% daripada jumlah diinsurangkan atau maksimum RM50,000 untuk tempoh insurans.

B. Penyediaan Tuntutan Klausula

- Menanggung perbelanjaan dalam menyediakan tuntutan
- Menanggung sehingga 10% daripada jumlah diinsurangkan atau maksimum RM20,000 untuk tempoh insurans.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 **Laman Sesawang:** www.libertyinsurance.com.my
(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

- C. Klausu Kos Perlindungan Sementara
 - Menanggung kos perlindungan sementara yang ditanggung secara munasabah untuk keselamatan dan perlindungan harta benda
 - Menanggung sehingga 10% daripada jumlah diinsurankan atau maksimum RM20,000 untuk tempoh insurans.
- D. Elaun Ketidakselesaan
 - Menyediakan elaun sekali Sahaja jika terdapat tuntutan yang sah dibawah policy ini
 - Menanggung jumlah sekaligus sebanyak RM2500 untuk tempoh insurans dan sebagai tambahan kepada jumlah diinsurankan.

Seksyen 2: Kerugian akibat kebakaran (liputan tambahan)

Seksyen ini menanggung kerugian insured terhadap kerugian kewangan dan perbelanjaan tambahan yang ditanggung disebabkan oleh kehilangan atau kerosakan harta yang diinsurankan di bawah polisi kebakaran

Below is the comparison of the benefits between Enhanced Property and the basic Fire Product.

Kelebihan	Kebakaran Premier dan Kerugian Berbangkit	Kebakaran biasa
Seksyen 1: kebakaran	√	√
Special Extension		
A. Jejak dan Akses Klausu	√	Tidak dilindungi
B. Penyediaan Tuntutan Klausu	√	Tidak dilindungi
C. Klausu Kos Perlindungan Sementara	√	Tidak dilindungi
D. Elaun Ketidakselesaan	√	Tidak dilindungi
Seksyen 2: Kerugian akibat kebakaran	√	√

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung pada jumlah diinsurankan, jenis perdagangan atau jenis perniagaan yang dijalankan di premis dan termasuk keperluan underwriting mengikut tariff kebakaran yang disemak.

Jumlah diinsurankan: RM_____

Kadar yang dikenakan _____ %

Tambahan perlindungan: RM_____

Anggaran Jumlah premium yang perlu anda bayar: RM_____

Polisi juga tertakluk kepada premium minimum RM60.00 untuk risiko kediaman dan RM75.00 untuk risiko bukan kediaman

4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Jumlah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	25%
Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu anda beri perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) **Kepentingan pendedahan:** anda mesti memberikan semua fakta dalam permohonan anda dengan lengkap dan jujur
- b) Anda mesti memastikan bahawa harta anda diinsurankan pada jumlah yang sesuai. Jika tidak, syarat purata akan dikenakan sewaktu berlaku kerugian. Anda akan dianggap sebagai menginsurangkan diri sendiri untuk perbezaan.
- c) sekiranya berlaku kerugian, anda akan dibayar nilai yang diinsurankan atau nilai pasaran harta yang diinsurankan, yang mana lebih rendah (selain bangunan). Untuk bangunan, kos penggantian akan dibayar.
- d) Jika terdapat insurans lain melindungi liability yang sama, kami tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih dari pekadaran berkadar.
- e) semasa tuntutan dibuat, anda mesti mengambil langkah segera untuk meminimumkan kerosakan dan mendapatkan semula harta benda yang hilang.
- f) insurans ini tertakluk kepada waranti premium 60 hari iaitu premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh 60 hari dari permulaan. Jika gagal, polisi akan dibatalkan secara automatic dan kami layak mendapat premium pro rata pada tempoh kami menghadapi risiko

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh:

- Serangga kutu air susut nilai haus dan lusuh atau kemerosotan lain atau sebarang proses pemberian memulihkan atau mengubah suai
- Kerugian/kerosakan akibat perang, pencemaran radioaktif, dan ledakan sonic
- Sebarang kerosakan atau liability kerugian kemalangan yang disebabkan oleh bahan senjata nuklear
- Sebarang tindakan keganasan.

(Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi kami notis bertulis. Sekiranya pembatalan diminta oleh anda, anda berhak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek kami (seperti yang digariskan dalam jadual dibawah) untuk tempoh polisi yang telah dikuatkuasakan. Selepas pembatalan, premium minimum RM60.00 untuk risiko kediaman dan RM75.00 untuk risiko bukan kediaman akan dikenakan oleh kami. Tiada bayaran balik premium akan dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi.

Dibawah ialah jadual kadar jangka pendek:

Tempoh tidak melebihi	Bayaran balik premium tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat saya?

Adalah penting anda memberitahu kami sebarang perubahan pada maklumat surat-menyurat anda. Ini adalah untuk memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat dapat diterima dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur
Tel : +603 2268 3333 (General Line) or 1 300 88 8990
Emel : customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

10. Perlindungan Insurans Kebakaran lain yang boleh didapati:

- Polisi Kerugian Akibat Kebakaran.
- Polisi Bidang Industri Semua Risiko.
- insurans ke atas pertumbuhan pokok
- Perisai undang undang api

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTANAH ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS SERTA BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula **Mac, 2024**.